

Masalah Melayu Pulau Pinang perlu diatasi berhati-hati

PULAU PINANG 27 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu masalah orang Melayu Pulau Pinang ditangani dengan mengutamakan cadangan serta buah fikiran masyarakat Melayu sendiri.

Perdana Menteri berkata, masalah yang telah berlarutan sejak sekian lama itu perlu dikenal pasti punca dan cara mengatasinya patut dilaksanakan secara berhati-hati.

“Lama sudah kita tahu yang itu (jurang ekonomi) dan kita cuba nak betulkan, kita perlu perhati perkara ini dengan fikiran yang

waras.” katanya kepada para pemberita selepas menghadiri jamuan ulang tahun ke-30 kewujudan industri elektronik di Pulau Pinang di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas Laporan Khas *Utusan Malaysia* hari ini berkaitan isu jurang pembangunan orang Melayu-Cina di Pulau Pinang.

Menurut beliau, semua pihak yang terlibat dengan perkara itu perlu mengenal pasti punca sebenar sehingga menyebabkan keadaan hidup orang Melayu terus terpinggir dan sukar ditangani.

Laporan khas itu mendapat perhatian para pemimpin UMNO bahagian yang menyalahkan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang didakwa tidak serius dan bersikap berat sebelah dalam perkara berkenaan.

Para pemimpin Melayu juga melahirkan kebimbangan bahawa orang Melayu Pulau Pinang mungkin menerima nasib yang sama seperti orang Melayu Singapura jika kerajaan negeri meneruskan amalan meminggirkan orang Melayu dalam pembangunan negeri berkenaan.